

IOQRA'

Bil. 1/2022

JANUARI

eISBN : 2735-1920



LIVE@PTAR Misi Kesukarelawan: Duta Sosial & Kebajikan
PTAR Shah Alam - muka 6



Perbincangan Kolaborasi Antara PTAR & Unit Perkhidmatan OKU
PTAR Shah Alam - muka 10



Library Outreach Bersama Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2021/2022
PTAR Alor Gajah - muka 15



LIVE@PTDI Sembang Santai: Dari Segamat ke England
PTAR Segamat - muka 22



LIVE@PTAR Better Marks Secrets Online Databases
PTAR Kedah - muka 33

PROMOSI@PTAR



Disediakan oleh: Shazmie Huzni Mohd Sidik



Untuk menonton
semula:



Pada 26 Januari 2022 telah berlangsungnya program Live@PTAR: A Day With Sultan Badlishah Library, anjuran pelajar kursus KIM110 5D Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Cawangan Kedah dengan kerjasama Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah yang disiarkan melalui platform YouTube & Facebook Rasmi PSB, UiTM Cawangan Kedah. Program yang berlangsung selama 2 jam ini dijalankan untuk memperkenalkan tentang Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah serta kemudahan dan perkhidmatan yang telah disediakan oleh pihak perpustakaan kepada pengguna.

Program ini telah dikendalikan oleh Farah Nasuha Abdul Hamid pelajar KIM110 5D, Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Cawangan Kedah selaku moderator bersama panel jemputan Encik Mohd Amiruddin Mohd Nasir, Pustakawan Kanan, Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah.

Antara topik yang diterangkan ialah kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak perpustakaan seperti koleksi bahan bacaan, ruang bacaan, ruang penggunaan komputer, bilik perbincangan, kemudahan cetakan, pinjaman buku dan juga pinjaman akhbar. Selain itu perpustakaan juga menyediakan perkhidmatan digital bagi memudahkan pengguna untuk menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak perpustakaan, yang boleh di akses melalui laman sesawang rasmi Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah.

Objektif program ini dijalankan adalah untuk memberi pengetahuan perihal perpustakaan serta mempromosikan perkhidmatan serta kemudahan yang disediakan oleh pihak perpustakaan. Program ini telah berjaya mendapat sebanyak 413 tontonan menerusi platform YouTube Live sepanjang program siaran langsung ini berjalan.

